



## SIARAN AKHBAR PRESS STATEMENT

S.A. 2017/11/88 (HQ)

### JANGAN CEROBOH KAWASAN PEPASANGAN TNB

**Tenaga Nasional Berhad (TNB)** mengingatkan orang ramai supaya tidak sekali-kali menceroboh kawasan pemasangan TNB, termasuk di menara talian dan pencawangnya kerana potensi risiko berlaku kemalangan elektrik.

“Ia bagi mengelakkan kemungkinan renjatan serta pancaran arka (*flashover*) daripada arus bervoltan tinggi yang boleh menyebabkan kecederaan serius dan kehilangan nyawa,” kata Naib Presiden (Grid) TNB, Dato’ Ir. Ho Peng Choong.

Ia juga boleh mengakibatkan kerosakan harta benda dan gangguan bekalan kepada pengguna yang lain,” katanya susulan kejadian seorang lelaki dilaporkan memanjat menara talian penghantaran TNB di Bangsar, Kuala Lumpur untuk mengambil gambar swafoto sempena sambutan hari lahirnya, beberapa hari lalu.

Menurut Ir. Ho, orang ramai juga tidak dibenarkan membawa peralatan panjang seperti galah di bawah talian dan memancing di kolam atau tasik di kawasan berdekatan talian atas bervoltan tinggi.

“Sebagai syarikat yang prihatin terhadap aspek keselamatan elektrik, TNB memohon kerjasama semua agar menjauhi kawasan TNB yang dipasang papan tanda kawasan larangan demi mengelakkan perkara tidak diingini berlaku,” katanya.

**Dikeluarkan di Kuala Lumpur, jam 10.00 pagi, 23 November 2017**

Untuk sebarang pertanyaan media, sila hubungi Nor Hanim Idris (019-2617617) /  
Datuk Omar Sidek (013-3418988) atau emel ke [media@tnb.com.my](mailto:media@tnb.com.my)